

18/01/2000

Pemuda Umno sebulat suara sokong syor MT

KUALA LUMPUR, Isnin - Mesyuarat Exco Pergerakan Pemuda Umno hari ini sebulat suara menerima syor Majlis Tertinggi (MT) supaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicalonkan semula sebagai Presiden, manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Timbalan Presiden.

Mesyuarat itu turut menerima keputusan mesyuarat Ketua-ketua Pemuda negeri pagi ini, supaya mencalonkan Pemangku Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, bertanding jawatan berkenaan pada pemilihan parti 10 Mei ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, keputusan itu dicapai kerana ahli Umno tidak mampu mengambil risiko perpecahan hanya untuk melihat kedua-dua jawatan berkenaan dipertandingkan.

"Serentak itu, Pemuda Umno akan menubuhkan sekretariat untuk menjelaskan kepada ahli mengapa jawatan berkenaan tidak wajar dipertandingkan.

"Sekretariat itu juga akan memberi penerangan mengenai pentingnya menjaga keharmonian parti dan memahami objektif pertandingan," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Turut hadir Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Pada mesyuarat awal bulan ini, MT sebulat suara mengesyorkan supaya Dr Mahathir dicalonkan semula sebagai Presiden, manakala Abdullah bagi jawatan Timbalan Presiden.

Mohd Khalil berkata, syor itu dibuat berdasarkan pendirian dan kehendak ahli majlis itu, yang sebulat suara mahukah Dr Mahathir terus memimpin parti.

Hishammuddin yang mengucapkan terima kasih kepada ketua-ketua Pemuda negeri yang memutuskan beliau dicalonkan sebagai Ketua Pemuda berkata, keputusan itu menggambarkan kesepakatan pemimpin pergerakan berkenaan.

"Saya sedia ditandingi pada pemilihan akan datang tetapi terserahkan kepada perwakilan Pemuda bahagian untuk mencalonkan sesiapa yang akan bertanding.

"Saya juga yakin barisan kepemimpinan Pemuda dapat disusun semula selepas pertandingan itu tanpa menjejaskan kekuatan parti," katanya.

Hishammuddin berkata, mesyuarat itu juga bersetuju menambah bilangan Exco yang dipilih daripada 15 kepada 20 orang, dan mengekalkan bilangan yang dilantik seramai lima orang pada persidangan akan datang.

"Kita akan melantik satu atau dua Exco yang berumur bawah 30 tahun untuk membentuk pemimpin pelapis seperti yang dimulakan oleh bekas Ketua Pemuda, Datuk Suhaimi Kamaruddin.

"Pendedahan peringkat awal itu berjaya membentuk pemimpin pelapis seperti Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohd Nazri Aziz, yang menyertai Exco selepas tamat pengajian," katanya.

Hishammuddin berkata, beliau juga menggalakkan lebih ramai pemimpin pelajar dan profesional menyertai majlis Pemuda Umno bagi memberi peluang mereka terbabit secara terus dan mengetahui asam garam perjuangan.

Pendedahan itu katanya, dapat memberi peluang mereka terbabit secara langsung kerana Pemuda tidak mahu ada pihak mudah menuding jari dan menyalahkan pihak lain untuk melaksanakan sesuatu.

Sementara itu, Ketua Pemuda Terengganu, Abdul Rahim Mohd Said, yang mempengerusikan mesyuarat ketua-ketua Pemuda Negeri pagi ini berkata, keputusan menyokong Hishammuddin bertanding jawatan ketua pergerakan itu dibuat berdasarkan kepemimpinan yang ditunjukkan.

Mesyuarat itu diwakili 11 daripada 14 ketua Pemuda negeri kecuali Melaka, Pahang dan Kelantan, tetapi ketiga-tiga yang tidak hadir menyatakan sokongan kepada Hishammuddin.

Selain pemilihan Ketua Pemuda, pertandingan tahun ini dijangka menarik kerana jumlah Exco sudah ditambah kepada 20 orang dan hampir separuh pemimpin yang ada sekarang tidak boleh bertanding kerana berumur lebih 40 tahun.

(END)